

18/03/2004

Apabila pungguk rindukan bulan

Mustapa Omar

MEREKA ibarat burung pungguk yang hinggap di dahan pokok pada malam hening dan memandangi ke langit, melihat bulan yang indah, tetapi terlalu jauh untuk dicapai. Orang tua kita dulu menggunakan adegan burung pungguk itu untuk melukiskan sebuah hasrat yang sia-sia dan harapan yang terlalu tinggi - bagai pungguk rindukan bulan.

Dalam keheningan malam itu juga, kita seakan-akan mendengar suara yang serak, suram, sedih, seperti suara cinta hampa diva jazz Billie Holiday yang menyebut bait-bait lagu I'am a fool to want you. Suara itu semakin lama semakin kuat, sekuat gelombang yang menghempas pantai di Terengganu dan Kelantan pada musim tengkujuh.

Siapakah mereka yang seperti burung pungguk dan yang menyanyikan lagu Billie Holiday? Mereka adalah penyokong Pas dan pengundi atas pagar yang pada pilihan raya umum lalu memberi undi kepada parti Pas sehingga Kelantan kekal di bawah pengaruhnya dan Terengganu jatuh ke tangan parti itu.

Tetapi, burung pungguk nampaknya belum terjaga daripada khayalan, tidak seperti pemilik suara serak yang kini sudah sedar daripada lenanya dan menyesali kesilapan masa lalu. Burung pungguk terus terbang untuk mencapai bulan, walaupun tahu ia tidak mampu menjangkau apa yang diharapkan.

Seperti kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di Shah Alam kelmarin: "Bulan tak boleh buat apa-apa pun... seperti pungguk rindukan bulan, terus rindukan bulan aje..." Mungkin pungguk masih belum terlewat kerana masih ada masa untuk mengejutkannya daripada khayalan.

Minggu lalu, dalam perjalanan pulang dari Kuala Terengganu, saya dapat melihat betapa ghairahnya orang Terengganu menghadapi pilihan raya kali ini. Hampir setiap jambatan dan bulatan dipenuhi bendera Pas, walaupun di celah-celahnya terselit poster berlambang dacing.

Sepanduk yang dipasang sama ada oleh penyokong Pas atau Barisan Nasional penuh dengan kata-kata sindiran. Bagi mereka yang tidak biasa dengan orang Terengganu dan politik negeri itu, agak sukar untuk mereka memahami kata-kata dalam loghat Terengganu digunakan.

Dengan slogan 'Terengganu Kite Hok Kite', Pas nampaknya begitu yakin dapat mempertahankan negeri itu dan ini dibuktikan oleh kata-kata seorang pengikut setianya yang bersama saya dalam pesawat menuju Kuala Terengganu, Jumaat lalu.

"Bukan jambatan dan bulatan saja yang bertukar warna menjadi hijau sejak minggu lalu, malah air laut yang dulunya biru juga sudah bertukar hijau sebagai tanda Pas akan terus kekal di Terengganu," katanya dengan penuh takbur.

Tetapi 'Gelombang Biru' BN yang diketuai Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri, Datuk Idris Jusoh, mungkin dapat membuat kejutan. Bukan sesuatu yang mustahil jika air laut yang dikatakan hijau akan kembali biru, sebiru bulatan di Pesiaran Kayangan Shah Alam yang diselubungi bendera berlambang dacing.

Mungkin benar kata orang, pilihan raya ada masanya ibarat banjir besar yang boleh mengubah arus sungai dan pada masa sama rakyat terpaksa memikul satu tugas amat penting iaitu memilih yang terbaik bagi suatu kehidupan bersama.

Apa pun, politik kini sudah menjadi sesuatu yang membingungkan. Pas umpamanya menggunakan agama untuk kepentingan politik dan sanggup mengeluarkan pelbagai fatwa yang ada kalanya bercanggah dengan Islam,

semata-mata untuk meraih sokongan.

Malah, ahli Pas sendiri tahu bahawa pemimpin mereka sering melatah. Mereka melakukan pelbagai kesilapan dalam keadaan sedar. Akibatnya politik bagi mereka sudah menjadi seperti seks, ramai-ramai dianggap kotor, tetapi ramai-ramai pula mereka melakukannya.

Sebenarnya, politik boleh didefinisikan sebagai suatu kesibukan menguruskan kekuasaan dalam satu persaingan sengit. Dalam persaingan itu, pemenangnya bukan saja akan mendapat kuasa dan penghormatan, malah pelbagai kelebihan yang sukar dinikmati orang biasa.

Oleh kerana itulah, ramai yang sanggup melakukan apa saja asalkan mereka tidak terkeluar daripada arena politik.

Semoga kita tidak tenggelam dalam kekalutan politik dan mampu berfikir dengan waras sebelum memutuskan pilihan Ahad ini.